

e-BULETIN HASIL

PENDAPATAN PERNIAGAAN



1. ANDA PENIAGA? INI YANG PERLU DILAKUKAN

Sebagai peniaga, anda bertanggungjawab untuk melaporkan keuntungan yang diperolehi. Perniagaan terdiri daripada pemilikan tunggal, bekerja sendiri dan perkongsian.

Antara tanggungjawab seorang peniaga adalah :

- 1) Hantar Borang Nyata pada tarikh yang ditetapkan dan jelaskan baki cukai jika ada,
- 2) Sediakan akaun dan penyata pendapatan,
- 3) Simpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan selama tujuh (7) tahun,
- 4) Patuhi Notis Bayaran/Skim Ansuran (CP500); dan
- 5) Maklumkan secara bertulis perniagaan ditamatkan atau terdapat pertukaran ahli kongsi.

Perbelanjaan yang dibenarkan dalam perniagaan adalah perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan. Elaun modal atas aset perniagaan juga boleh dituntut dan ditolak selepas pengiraan pendapatan tahunan.

Maklumat lanjut berhubung peniaga boleh didapati dalam Sepintas e-Buku Hasil melalui Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > EduZone > Risalah Cukai > Risalah Cukai 2022.

2. EKONOMI GIG

Secara amnya, ekonomi gig lebih dikenali sebagai karyawan bebas atau pekerjaan tanpa majikan. Ia merupakan salah satu daripada model perniagaan dalam e-Dagang atau Ekonomi Digital dan tertakluk kepada cukai di bawah Seksyen 4(a), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Terdapat tiga (3) pihak yang terlibat dalam ekonomi gig iaitu :

- 1) Pekerja gig,
- 2) Pelanggan, dan
- 3) Syarikat penyedia platform

Antara syarikat penyedia platform yang tersenarai di bawah ekonomi gig adalah Grab, Foodpanda, Lalamove, Bungkusit dan Ninja Van.

WASPADA DENGAN SCAMMER:

PASTIKAN BAYARAN DIBUAT KEPADA PENERIMA YANG TEPAT:

JENIS BAYARAN	PENERIMA
CUKAI PENDAPATAN DAN CKHT	KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
DUTI SETEM	PEMUNGUT DUTI SETEM
KAEDAH DALAM TALIAN	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.

3. LAPORKAN PELARIAN CUKAI

HASiL komited untuk memerangi sesiapa sahaja yang sedang dan telah melarikan cukai. ANDA boleh membantu kami memastikan setiap individu / syarikat membayar cukai yang sepatutnya telah menjadi tanggungjawab bersama demi pembangunan Negara.

a) Bagaimana membuat laporan :

- 1) E-mel : pelariancukai@hasil.gov.my (Aduan Pelarian Cukai)
- 2) Hadir ke Unit Perisikan Dan Profiling (UPDP) di Pejabat Pengarah Negeri ATAU pejabat Cawangan Siasatan (CSi) HASiL yang berdekatan di seluruh Malaysia
- 3) Laporan bertulis kepada :
Seksyen Aduan dan Sumber, Bahagian Perisikan
Jabatan Perisikan Dan Profiling
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Aras 3, Menara 2,
No. 3, Jalan 9/10, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

b) Maklumat yang diperlukan :

- 1) Nama, nombor kad pengenalan dan alamat penuh
- 2) Bagaimana pelarian cukai pendapatan dilakukan
- 3) Dokumen rujukan (jika ada)
- 4) Maklumat lain yang penting atau berkaitan

JAMINAN KERAHSIAAN

Sumber maklumat yang membawa kepada kajian kes akan dirahsiakan mengikut peruntukan kerahsiaan di bawah Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967. Jabatan bertanggungjawab juga mempunyai kewajipan untuk menjaga kerahsiaan hal ehwal cukai pembayar cukai di bawah peruntukan kerahsiaan yang sama. Oleh yang demikian, pengadu tidak akan dimaklumkan tentang kemajuan kajian kes atau hasil daripadanya.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi talian berikut :

03-8913 3800 (samb: 120655, 120654 atau 120578) atau 016-945 9589 (Whatsapp sahaja).

4. RANGKA KERJA AUDIT HASIL TERKINI

HASiL ingin memaklumkan bahawa Rangka Kerja Audit Cukai, Rangka Kerja Audit Cukai Petroleum dan Rangka Kerja Audit Cukai Kewangan dan Insurans telah dimuat naik di portal rasmi HASiL bagi rujukan pembayar cukai, ejen cukai dan pihak yang berkepentingan.

Semua Rangka Kerja Audit ini menggariskan hak dan tanggungjawab pegawai audit, pembayar cukai serta ejen cukai bertujuan untuk memastikan audit cukai dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama.

Rangka Kerja Audit ini boleh diakses daripada pautan www.hasil.gov.my > Perundangan > Rangka Kerja > Rangka Kerja Audit Hasil.